

بَابُ حُكْمِ إِيْمَانٍ مَنْ قَالَ مُطْرِنَا بِنَوْءٍ كَذًا

Bab Hukum Iman Orang Yang Berkata "Kami Mendapat Hujan Kerana Bintang Sekian".²⁵⁹

٥٨- عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ قَالَ صَلَّى بِنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الصُّبْحِ بِالْحُدَيْبِيَّةِ فِي إِثْرِ السَّمَاءِ كَانَتْ مِنَ اللَّيْلِ فَلَمَّا انْصَرَفَ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ فَقَالَ هَلْ تَذَرُونَ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ قَالَ أَصْبَحَ مِنْ عِبَادِي مُؤْمِنٌ بِي وَكَافِرٌ فَأَمَّا مَنْ قَالَ مُطْرِنَا بِفَضْلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ فَذَلِكَ مُؤْمِنٌ بِي كَافِرٌ بِالْكُذُوبِ وَأَمَّا مَنْ قَالَ مُطْرِنَا بِنَوْءٍ كَذًا وَكَذًا فَذَلِكَ كَافِرٌ بِي مُؤْمِنٌ بِالْكُذُوبِ

58- Zaid bin Khalid al-Juhani r.a.²⁶⁰ meriwayatkan, katanya: "Rasulullah s.a.w. pernah mengimami kami shalat Subuh di Hudaibiyah,²⁶¹ sesudah pada malamnya hujan turun.

²⁵⁹ Al-Itisyubi membuat tajuk seperti ini kerana berpendapat ianya lebih sesuai dengan Kitab al-Iman. Adapun orang lain seperti Imam Nawawi, Qadhi 'Iyaadh dan kebanyakan penyusun matan, mereka membuat tajuk begini: باب بيان كفر من قال مطرنا بالنوء (Bab Menerangkan Kekufuran Orang Yang Berkata "Kami Mendapat Hujan Kerana Bintang"). Al-Ubbi telah membuat tajuk begini: باب من قال (Bab Hadits-hadits "Ada Hamba-hambaKu Yang Beriman Dan Ada Juga Yang Kafir DenganKu Pada Waktu Pagi"). As-Sanusi membuat tajuk begini: باب من قال (Bab Orang Yang Berkata "Kami Mendapat Hujan Kerana Bintang-bintang" Itu Kafir). Al-Qurthubi pula membuat tajuk begini: باب نسيه الاختراع لغير الله سبحانه وتعالى حقيقة الكفر (Bab Menisbahkan Sifat Pencipta Itu Kepada Selain Allah s.w.t. Adalah Kekufuran Yang Sebenarnya).

²⁶⁰ Nisbah beliau ialah kepada Juhainah bin Zaid bin Laits bin Suud bin Aslam bin Ilhaaf bin Qudha'ah. Kuniah beliau ialah Abu Talhah al-Madani, ada juga yang mengatakannya Abu 'Abdir Rahman. Beliau adalah seorang Sahabat yang terkenal. Hadits beliau dikategorikan sebagai "riwayat orang Hijaz". Beliau telah meriwayatkan sebanyak 81 buah hadits, Bukhari & Muslim sama-sama meriwayatkan sebanyak lima buah daripadanya. Imam Muslim bersendirian dalam meriwayatkan sebanyak tiga hadits daripada beliau; iaitu riwayat beliau daripada: (1) Nabi s.a.w., (2) Utsman bin 'Affan, (3) Abu Talhah al-Anshari. Beliau telah meninggal dunia di Kufah pada penghujung zaman pemerintahan Mu'awiyah. Ada juga yang mengatakan di Madinah, pada tahun 78H ketika berusia 85 tahun.

²⁶¹ Ia adalah satu oasis yang jaraknya beberapa batu daripada Mekah. Boleh disebut sebagai "Hudaibiyyah" (mengikut loghat orang Yaman) atau "Hudaibiyah" (mengikut loghat orang Iraq). Kebanyakan perawi meriwayatkan dengan lafaz "Hudaibiyyah".

Setelah selesai shalat,²⁶² Nabi s.a.w. menghadap kepada orang ramai, lalu bersabda: “Tahukah kamu sekalian, apa yang telah difirmankan Tuhanmu?” Jawab mereka, “Allah dan RasulNya lah yang lebih tahu.”²⁶³ Sabda Nabi s.a.w.: “Allah berfirman: Ketika hamba-hambaKu bangun pagi-pagi, ada di antaranya mu’min, dan ada pula yang kafir. Orang yang berkata: “Hari hujan kerana kurnia dan rahmat Allah, dia mu’min (percaya) kepadaKu,²⁶⁴ kafir kepada bintang-bintang. Dan orang yang berkata, “Hari hujan kerana bintang ini dan bintang itu, dia kafir (tidak percaya) kepadaKu²⁶⁵ dan beriman kepada bintang-bintang.”²⁶⁶

²⁶² Zahir hadits ini menunjukkan Nabi s.a.w. tidak terus duduk dengan menghadap ke arah qiblat sesudah memberi salam, sebaliknya Baginda berpusing ke arah kanan atau ke belakang dengan menghadap ke arah para ma’mun. Imam Malik berpendapat, inilah cara yang seeloknya dilakukan oleh imam masjid sesudah selesai bersembahyang.

²⁶³ Jawapan begini diberikan sebagai bersopan dengan Rasulullah s.a.w. apabila diajukan soalan oleh baginda s.a.w. Mungkin juga ia berma’na, kami boleh mengagak, tetapi hal yang sebenarnya hanyalah diketahui oleh Allah dan RasulNya. Boleh jadi juga ia berma’na, kami langsung tidak tahu. Soalan itu bukan boleh dijawab oleh kami sebagai manusia biasa. Di dalam hadits ini, ia sesuai dipakai sama ada dengan ma’na yang pertama atau kedua.

²⁶⁴ kerana telah mempercayai hujan itu adalah ciptaanKu, bukannya ciptaan bintang-bintang.

²⁶⁵ kerana mengingkari ni’matKu, kurniaanKu dan rahmatKu.

²⁶⁶ kerana mempercayai bintang-bintang boleh melakukan sesuatu dan menurunkan hujan. Menurut al-Qurthubi, yang dimaksudkan dengan “kafir” di sini ialah kekufuran yang sebenar, kerana ia dibandingkan dengan keimanan yang sebenar. Ia mungkin betul untuk orang yang mempercayai hujan itu adalah perbuatan bintang-bintang dan ciptaannya, bukannya ciptaan Allah s.w.t. seperti mana yang dipercayai oleh setengah-setengah orang jahil dari kalangan ahli nujum, naturalis dan orang Arab. Adapun orang yang mempercayai bahawa Allah s.w.t. lah yang menjadikan hujan dan menciptakannya, lalu dia mengatakan “kita mendapat hujan kerana bintang sekian-sekian”, dia tidak jadi kafir. Namun dia telah melakukan kesalahan dari dua sudut: (1) Kerana telah menyalahi Syara’. Syara’ memang telah melarang percakapan seperti itu secara umumnya. (2) Kerana telah bercakap seperti orang kafir. Sedangkan kita telah dilarang daripada menyerupai mereka melalui sabda Baginda s.a.w.: *خالفوا المشركين* Bermaksud: Biar berbeza lah kamu daripada orang-orang musyrikin. (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Rasulullah s.a.w. juga bersabda: *خالفوا اليهود* Bermaksud: Biar berbeza lah kamu daripada orang-orang Yahudi. (Hadits riwayat Abu Daud). Di dalam al-Qur’an juga terdapat larangan sedemikian. Allah s.w.t. berfirman: *يا أيها الذين آمنوا لا تقولوا راعنا* Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu ucapkan “raa’ina”. Perkataan ini asalnya digunakan oleh orang-orang Yahudi untuk mengejek Nabi Muhammad s.a.w. Di dalam bahasa mereka ia berma’na “bodoh”. Bila para sahabat mendengarnya, mereka menyangka ia adalah perkataan yang digunakan untuk memuliakan para Nabi, lalu mereka juga mengucapkannya dengan anggapan ia bermaksud: “perhatikanlah kami”. Maka Allah menurunkan firmanNya yang melarang penggunaan perkataan

itu. Jika hujan dan lain-lain dikaitkan dengan sesuatu tanda berupa “sunnatullah”, tidaklah pula ia terlarang. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah bersabda: إِذَا نَشَأَتْ بَحْرِيَّةٌ ثُمَّ تَشَاءَمْتَ فَتِلْكَ عَيْنٌ غَدِيقَةٌ Bermaksud: Bila muncul awan dari sebelah lautan dan ia bertiup ke arah Syam, akan berlakulah hujan lebat selama beberapa hari. (Hadits riwayat Imam Malik). Menurut Imam Nawawi pula, para ‘ulama’ berselisih pendapat tentang maksud “kufur” di dalam hadits ini dan mereka terbahagi kepada dua golongan: (1) Golongan yang berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan “kufur” di sini ialah kekufuran kepada Allah s.w.t. yang sebenar, yang menafikan iman dan mengeluarkan seseorang itu daripada agama Islam. Mereka mengatakan bahawa ini benar untuk orang yang beri’tiqad bahawa bintang itulah yang menyebabkan turunnya hujan seperti anggapan orang jahiliyyah. Orang yang beri’tiqad seperti ini memang tidak diragui lagi tentang kekufurannya. Inilah pendapat jumhur ‘ulama’ termasuklah Imam as-Syafi’e dan inilah juga maksud zahir hadits tersebut. Golongan ini juga mengatakan bahawa orang yang mengatakan “kita mendapat hujan kerana bintang sekian-sekian” dengan beri’tiqad bahawa ia datang daripada Allah s.w.t. dengan rahmatNya, bintang itu pula tidak lebih daripada tanda dan alamatnya berdasarkan kebiasaan dan adat; seolah-olahnya dia mengatakan “kami mendapat hujan pada waktu sekian-sekian”, maka ucapan dengan kepercayaan seperti ini tidaklah akan menjadikan seseorang kafir, cuma mereka berselisih pendapat tentang kemakruhannya. Pendapat yang kuat ialah ia makruh tanzih dan tidak mendatangkan dosa, sebabnya ialah ungkapan itu juga diucapkan oleh orang kafir, jadi ia kelihatan tidak elok jika diucapkan oleh seorang yang beriman, selain itu ia juga adalah syi’ar orang jahiliyyah dan orang yang setaraf dengan mereka. (2) Golongan ini menta’wilkan maksud “kufur” yang dinyatakan di dalam hadits tersebut dengan kufur ni’mat Allah s.w.t. kerana membataskan perbuatan menurunkan hujan itu kepada bintang sahaja. Ini benar untuk orang yang tidak beri’tiqad bahawa bintang itu boleh melakukan apa-apa pun. Ta’wilan ini disokong oleh riwayat terakhir di dalam bab ini yang menyebutkan: أَصْبَحَ مِنَ النَّاسِ شَاكِرٌ وَكَافِرٌ Bermaksud: Ada di kalangan manusia yang bersyukur dan ada yang kufur), juga riwayat lain yang menyebutkan: مَا أَنْعَمْتَ عَلَى عِبَادِي مِنْ نِعْمَةٍ إِلَّا أَصْبَحَ فَرِيقٌ مِنْهُمْ بِهَا كَافِرِينَ Bermaksud: tidak ada satu pun ni’mat untuk hamba-hambaKu melainkan ada di kalangan mereka yang jadi kafir kerananya. Di dalam hadits yang lain pula Rasulullah s.a.w. bersabda begini: مَا أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ السَّمَاءِ مِنْ بَرَكَةٍ إِلَّا أَصْبَحَ فَرِيقٌ مِنَ النَّاسِ بِهَا كَافِرِينَ (bermaksud: “Tidak ada satu pun keberkatan yang diturunkan oleh Allah ta’ala dari langit melainkan ada satu golongan manusia yang menjadi kafir kerananya.”) Riwayat-riwayat ini semuanya menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan kufur itu ialah kufur ni’mat. **Antara kesimpulan yang dapat** dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Seseorang yang beriman haruslah menjaga percakapannya kerana adakalanya ia boleh merosakkan iman. (2) Seorang yang beriman seharusnya beri’tiqad bahawa Allah s.w.t. adalah satu-satunya penyebab kepada apa saja yang berlaku. (3) Percakapan atau perbuatan yang mencerminkan ‘aqidah orang kafir mestilah dielakkan agar ia tidak menimbulkan rasa was-was di dalam hati, atau mendatangkan syak wasangka pada orang ramai. (4) Orang Islam mesti berhati-hati dengan amalan yang sudah menjadi syi’ar orang kafir dan menjauhinya, walaupun pada dasarnya ia harus. (5) Orang Islam yang beriman tidak boleh mengelirukan orang ramai tentang pegangan ‘aqidahnya. (6) Iman seseorang boleh dinilai melalui percakapannya.

٥٩- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ مُطِرَ النَّاسُ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصْبَحَ مِنَ النَّاسِ شَاكِرٌ وَمِنْهُمْ كَافِرٌ قَالُوا هَذِهِ رَحْمَةُ اللَّهِ وَقَالَ بَعْضُهُمْ لَقَدْ صَدَقَ نَبِيُّهُ كَذَا وَكَذَا قَالَ فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ {فَلَا أُفْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ حَتَّىٰ بَلَغَ وَتَجْعَلُون رِزْقَكُمْ أَنْتُمْ تُكَذِّبُونَ}

59- Ibnu `Abbaas r.a. meriwayatkan, katanya: “Pada suatu ketika di zaman Nabi s.a.w. pernah turun hujan. Maka bersabda Nabi s.a.w.: “Ada orang bangun pagi dalam keadaan syukur.²⁶⁷ Mereka ialah orang-orang yang mengatakan: “Hujan ini rahmat Allah.” Dan ada pula yang kafir. Mereka ialah orang-orang yang mengatakan: “Hujan ini kerana bintang ini dan itu.” Kata Ibnu `Abbaas, “Lalu diturunkan Allah ayat berikut: “Maka Aku bersumpah dengan tempat-tempat beradanya bintang-bintang”, sampai kepada ayat: “kamu mengganti rezeki (yang Allah berikan) dengan mendustakan Allah.”²⁶⁸

بَابُ بَيَانِ أَنَّ عِلَامَةَ الْإِيمَانِ حُبُّ الْأَنْصَارِ وَأَنَّ عِلَامَةَ النِّفَاقِ بُغْضُ الْأَنْصَارِ

Bab Menerangkan Tanda Iman Ialah Menyintai²⁶⁹ Orang-Orang Anshaar²⁷⁰ Dan Tanda Nifaaq Ialah Membenci Orang-Orang Anshaar.

²⁶⁷ Syukur yang dijadikan sebagai bandingan kepada kufur di dalam hadits ini menunjukkan bahawa kufur yang dimaksudkan itu ialah kufur ni'mat, bukannya kufur dalam erti kata yang sebenar. Namun boleh juga kufur itu dipakai dengan ma'na kufur yang sebenar kerana Nabi s.a.w. telah menjadikan ayat *وتجعلون رزقكم أنكم تكذبون* sebagai dalilnya.

²⁶⁸ Menurut Ibnu as-Shalaah, zahirnya di sini kesemua ayat itu turun berkenaan isu bintang yang sedang diperkatakan oleh orang ramai pada masa itu, tetapi ayat yang sebenarnya turun berkenaan isu tersebut ialah firman Allah s.w.t. *وتجعلون رزقكم أنكم تكذبون*, ayat-ayat yang lain itu turun berkenaan peristiwa lain, namun oleh kerana waktu turunnya sama, kesemuanya disebutkan turun kerana “peristiwa tersebut”.

²⁶⁹ Tajuk yang dibuat oleh al-Itsyubi ini tidak menyebutkan “`Ali” seperti yang dibuat oleh Imam Nawawi, Qadhi `Iyaadh dan kebanyakan penyusun matan. Mereka membuat tajuk yang berbunyi: باب الدليل على أن حب الأنصار وعلى رضي الله تعالى عنهم من الإيمان وعلامته وبغضهم من علامات النفاق (Bab Dalil Tentang Menyintai Orang Ansar Dan `Ali r.a. Itu Adalah Sebahagian Daripada Iman Dan Juga Tandanya, Dan Membenci Mereka adalah Antara Tanda Nifaaq). Al-Qurthubi membuat tajuknya: باب أحاديث حب علي والأنصار آية الإيمان وبغضهم آية النفاق (Menyintai `Ali Dan Orang Ansar Itu Adalah Tanda Iman Dan Membenci Mereka Itu adalah Tanda Nifaaq). Al-Ubbi membuat tajuk begini di sini: باب أحاديث حب الأنصار (Bab Hadits-hadits Tentang Menyintai Orang Anshaar). As-Sanusi pula membuat tajuk beliau begini: باب حب الأنصار من الإيمان (Bab Menyintai Orang-Orang Ansar Itu adalah Sebahagian

٦٠ - عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ حُبُّ الْأَنْصَارِ آيَةُ الْإِيمَانِ وَبُغْضُهُمْ آيَةُ التَّفَاقِ

60- Anas r.a. meriwayatkan daripada Nabi s.a.w., sabda baginda: “Menyintai²⁷¹ kaum Anshar adalah tanda iman, dan membenci mereka adalah tanda nifaaq.”²⁷²

Daripada Iman). Al-Itsyubi tidak menyebutkan 'Ali di dalam tajuk beliau di sini kerana beliau membuat tajuk secara berasingan untuk hadits berkenaan Saidina 'Ali r.a.

²⁷⁰ Nama ini diberikan kepada orang-orang yang membantu Rasulullah s.a.w. dari kalangan kabilah Aus dan Khazraj (yang saling berperang di zaman jahiliyyah). Nama ini tidak dikenali di zaman jahiliyyah, sehinggalah Allah s.w.t. menamakan mereka dengannya di dalam al-Qur'an. Aus dan Khazraj itu asalnya adalah adik-beradik seibu sebapa. Bapa mereka ialah al-Harith bin Tsa'labah dan ibu mereka ialah Qailah binti Kahil bin 'Uzrah Qudha'iyah. Ada yang mengatakan ibu mereka ialah anak perempuan Jafnah bin 'Amar bin 'Amir. Orang-orang Ansar ini adalah anak cucu Yumn bin Qahthaan, bukannya anak cucu Nabi Isma'il a.s.

²⁷¹ Menyintai mereka kerana pertolongan dan pengorbanan yang diberikan oleh mereka kepada Rasulullah s.a.w. dalam menegakkan agama Islam, bukannya kerana apa-apa sebab peribadi atau duniawi, demikianlah juga dengan membenci mereka. Menurut al-Qurthubi, sekiranya seseorang itu membenci mereka bukan kerana sebab-sebab tadi, sebaliknya kerana sebab-sebab lain seperti masalah peribadi, tidak sehaluan dan seumpamanya, dia tidak jadi kafir atau munafiq dengan sebab itu. Menurut al-Itsyubi pula, seboleh-bolehnya yang seperti itu pun mestilah dielakkan, kerana dalam membenci mereka seseorang itu pada hakikatnya sedang “melakukan ma'shiat”. Oleh itu dia mestilah berusaha untuk membendung perasaannya dengan cara mengingati keistimewaan dan kedudukan mereka di sisi Rasulullah s.a.w.

²⁷² Yang dimaksudkan dengan munafiq di sini ialah munafiq yang sejati. Tidak mungkin seseorang yang beriman itu akan sanggup membenci golongan manusia yang telah begitu berjasa kepada Rasulullah s.a.w. dan rela berkorban jiwa dan raga deminya kerana ingin menegakkan agama Islam. Membenci mereka hakikatnya adalah membenci apa saja yang telah mereka lakukan untuk Islam, inilah sifat orang munafiq dan juga petandanya. Dalam hadits ini golongan Ansar disebutkan secara khusus pada hal golongan Muhajirin juga tidak kurang istimewanya jika dibandingkan dengan mereka, juga tidak boleh dibenci sama seperti mereka, ini kerana pada masa itu orang-orang munafiq sedang tertunggu-tunggu “bala” menimpa orang-orang Islam yang berhijrah ke Madinah, tapi mereka nampak orang-orang Ansar inilah yang telah menghalang “bala” itu daripada menimpa mereka dengan bantuan dan perlindungan yang diberikan oleh mereka, lalu mereka pun naik marah kepada orang-orang Ansar kerana itu. [I] **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Orang yang beriman seharusnya mengasihi para sahabat Nabi s.a.w.. (2) Orang yang berjasa kepada agama juga mestilah dikasihi. (3) Hanya orang kafir dan munafiq yang membenci para sahabat Nabi s.a.w. dan juga orang yang berjasa besar kepada agama Islam. (4) Orang kafir dan munafiq amat tidak suka melihat orang Islam mempunyai kekuatan. Jikalau mereka lemah sekali pun, mereka juga tidak suka melihat mereka diberikan bantuan. (5) Orang kafir dan munafiq akan membenci sesiapa jua yang berkemampuan yang memberikan bantuan kepada orang Islam, begitu juga dengan sesiapa jua yang mempunyai kekuatan yang menggunakan kekuatan mereka demi mendaulatkan Islam.